



Perdana Menteri pulang ke Kedah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan), menyatakan sesuatu kepada calon Kulim Bandar Baru, Encik Kadir Sheikh Fadzil, yang menyambut kepulangan beliau ke Alor Setar, semalam.

Turut menyambut ketibaan Perdana Menteri Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan pembahagian kerusi di kalangan parti komponen bertujuan menjamin kerajaan sekarang mendapat mandat seterusnya 22 April ini.

Beliau, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, mahu semua anggota komponen bekerja 24 jam untuk tempoh 14 hari ini bagi menjamin kemenangan calon-calon Barisan Nasional. — Gambar Berita Harian.